

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 15 OGOS 2018 (RABU)

SOALAN : 23

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendekatan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah monopoli oleh PUSPAKOM dan senaraikan pemegang saham utama syarikat tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, pemeriksaan berkala kenderaan untuk kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam dan pemeriksaan kenderaan persendirian sebelum tukarmilik adalah perkhidmatan yang dimonopoli oleh Puspakom Sdn Bhd, sebuah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad. DRB-HICOM pula merupakan sebuah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia di mana pemegang saham utama adalah Etika Strategi Sdn Bhd (56%) berdasarkan Laporan Tahunan 2018 yang diterbitkan oleh syarikat tersebut.

Kerajaan terdahulu telah menandatangani dua (2) perjanjian konsesi untuk tempoh 15 tahun setiap satu (1) dengan pihak PUSPAKOM Sdn Bhd (Puspakom) seperti berikut:-

1. Perjanjian pertama – 1/9/1994 sehingga 31/8/2009;
2. Perjanjian kedua – 1/9/2009 sehingga 31/8/2024.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini, pemeriksaan berkala kenderaan di PUSPAKOM adalah hanya tertumpu kepada kenderaan perdagangan dan pengangkutan awam manakala pemeriksaan kenderaan persendirian pula hanya melibatkan jumlah yang kecil kebanyakannya adalah untuk pemeriksaan tukarmilik. Dalam hubungan ini, pasaran pelanggan atau kenderaan yang diwajibkan menjalani pemeriksaan berkala

ini adalah kurang daripada 5% peratus daripada populasi kenderaan di Malaysia.

Selain daripada pasaran pelanggan yang kecil, penyediaan perkhidmatan pemeriksaan oleh PUSPAKOM ini memerlukan perbelanjaan pembangunan dan operasi yang tinggi. Semenjak tahun 1995 sehingga Jun 2018, Puspakom menganggarkan telah mengeluarkan belanja operasi sebanyak lebih RM2 billion (purata RM7.5 juta sebulan/RM90 juta setahun), manakala dianggarkan sebanyak RM550 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan (purata RM2 juta sebulan/RM25 juta setahun).

Bagi tempoh lima (5) tahun kebelakang (2013-2017), purata perbelanjaan operasi Puspakom adalah RM9.7 juta sebulan manakala purata kutipan hasil adalah RM9.9 juta sebulan. Berdasarkan kepada data ini, PUSPAKOM hanya dianggarkan membuat keuntungan lebih kurang RM200 ribu sebulan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga mengawal kadar fi yang dikenakan ke atas setiap jenis perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang disediakan (mengikut jenis / kategori badan kenderaan) dan semenjak mula konsesi, kadar fi ini hanya sekali sahaja telah disemak dan dinaikkan iaitu pada 2007.

Berdasarkan kepada tiga faktor yang saya nyatakan di atas, umum boleh melihat bahawa perkhidmatan pemeriksaan oleh PUSPAKOM terikat dengan terma-terma perjanjian yang telah Kerajaan tetapkan. Disamping itu perlu saya maklumkan disini bahawa, perkhidmatan yang disediakan oleh PUSPAKOM ini adalah merupakan satu perkhidmatan yang berpunca

daripada ketetapan undang-undang yang menetapkan supaya kenderaan-kenderaan tertentu diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kenderaan.

Pada Jun 2018, Kerajaan telah menubuhkan **Jawatankuasa Kajian Dasar Monopoli Perkhidmatan dan Bekalan Kerajaan** yang dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi bagi mengkaji perkhidmatan-perkhidmatan yang bersifat monopoli termasuk perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di bawah PUSPAKOM.

Kerajaan melalui jawatankuasa ini sedang mengkaji terma-terma kontrak perjanjian konsesi dengan PUSPAKOM dengan turut mempertimbangkan faktor-faktor yang telah saya jelaskan di atas. Kementerian bersetuju bahawa bagi menambahbaik tahap kualiti dan kesediaan perkhidmatan yang disediakan, salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan. Tetapi jika perkara ini dilaksanakan, semua pihak penyedia perkhidmatan yang baharu perlu mematuhi tahap peraturan dan standard yang tinggi selain daripada mengambil kira faktor-faktor berkaitan pasaran yang kecil, kadar fi yang dikawal serta tahap pelaburan yang tinggi yang telah terangkan sebentar tadi. Dalam kajian ini, selain daripada melihat kepada kebolehlaksanaan untuk membuka peluang kepada lebih banyak pihak untuk menyediakan perkhidmatan, Kementerian juga meneliti lain-lain aspek seperti implikasi perundangan serta implikasi kewangan kepada Kerajaan jika perkara ini dilaksanakan. Proses kajian ini sedang berjalan dan hasil awal dijangka akan diperolehi sebelum akhir tahun ini. Kerajaan hanya akan membuat keputusan selepas kajian terperinci ini dimuktamadkan.